

HELD AT

ON

TIME

SENAT 154
TINDAKAN/PERHATIAN

10. menimbang permohonan mengikuti Program Doktor Falsafah Semester November Sesi 2000/2001 penuh masa, sambilan dan calon luar negara;

- (d) tentang pandangan supaya SS menyediakan garispanduan perlantikan penyelia dan tugas-tugas penyeliaan tesis untuk calon-calon Sarjana dan Ph.D;
- (e) tentang pandangan supaya penyelia-penyelia tesis Ph.D memberikan perhatian yang serius atas tajuk-tajuk tesis yang dicadangkan agar ianya sesuai pada peringkat pengajian mereka.

ii. bersetuju

- (a) menerima dan mengesahkan keputusan mesyuarat Jawatankuasa Ijazah Lanjutan Ke-41 Bil. 4/2000 seperti yang dibentangkan; Dekan SS
- (b) supaya SS mengambil tindakan tentang perkara yang dibangkitkan dalam i(d) di atas untuk dibincangkan dalam mesyuarat Senat yang akan datang. Dekan SS

2.15 KERTAS KERJA BIL. 128/2000 – CADANGAN PENAWARAN PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA PERAKAUNAN DENGAN KEPUJIAN (EKSEKUTIF)

Mesyuarat

- i. mengambil ingatan
 - (a) tentang kertas yang disediakan memohon pertimbangan dan kelulusan Senat terhadap cadangan SPK untuk menawarkan program Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dengan Kepujian (Eksekutif);

HELD AT	ON	TIME

**SENAT 154
TINDAKAN/PERHATIAN**

- (b) bahawa program ini akan menganugerahkan kepada calonnya Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dengan Kepujian [BAcct (Hons)] iaitu ijazah yang sedia ada ditawarkan oleh SPK dan perbezaan program yang bakal ditawarkan ini adalah dari segi:
 - 1. kumpulan sasar (target group)
 - 2. saluran kemasukan
 - 3. kaedah pengajaran
- (c) bahawa SPK merancang untuk melaksanakan sistem tiga (3) semester dalam satu tahun iaitu:

Semester I	-	Januari – April
Semester II	-	Mei – Ogos
Semester III	-	September - Disember
- (d) bahawa kertas cadangan ini telah dibentangkan dalam mesyuarat JKPA yang Ke-87 Bil. 7/2000 pada 10 Oktober 2000 dan bersetuju supaya ianya dikemukakan kepada Senat untuk pertimbangan dan kelulusan;
- (e) bahawa kertas cadangan berkenaan adalah seperti pada lampiran yang disertakan bersama kertas kerja;
- (f) bahawa di antara matlamat penawaran program ini adalah seperti berikut:
 - 1. membuka peluang kepada mereka yang tidak dapat melanjutkan pengajian secara sepenuh masa melalui saluran biasa. Program seperti ini telah disarankan oleh Institut Akauntan Malaysia (MIA) dalam memorandum mereka kepada Menteri Pendidikan Malaysia;
 - 2. memberi sumbangan kepada masyarakat;

HELD AT	ON	TIME

**SENAT 154
TINDAKAN/PERHATIAN**

- 3. memaksimumkan kepenggunaan prasarana Universiti;
 - 4. menjadi satu sumber pendapatan kepada SPK khususnya dan Universiti amnya.
 - (g) bahawa jumlah jam kredit yang ditetapkan untuk tujuan pengijazahan adalah 131 jam kredit;
 - (h) tentang pandangan supaya perkataan 'Eksekutif' ditiadakan atau ditukarkan kepada 'secara sambilan' dan dengan itu program yang akan ditawarkan adalah Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dengan Kepujian secara sambilan.
 - ii. bersetuju meluluskan penawaran program Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dengan Kepujian seperti yang dibentangkan tertakluk kepada pandangan seperti pada i(h) di atas mulai Semester Pertama pada bulan Januari tahun 2001.
- Dekan SPK

2.16 KERTAS KERJA BIL. 166/2000 – CADANGAN PERLANTIKAN SEMULA Y.BHG. DATO' SAYED A. RAHMAN SAYED MOHD SEBAGAI FELO ADJUNG SEKOLAH PEMBANGUNAN SOSIAL (SPS)

Mesyuarat

- i. mengambil ingatan
 - (a) tentang kertas yang disediakan memohon pertimbangan dan kelulusan Senat tentang cadangan perlantikan semula Y.Bhg. Dato' Sayed A. Rahman Sayed Mohd. Sebagai Felo Adjung SPS;
 - (b) bahawa tempoh perlantikan Y.Bhg. Dato' Sayed A. Rahman Sayed Mohd sebagai Felo Adjung SPS akan tamat pada 30 November 2000;